

D.R. 39/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah (Pindaan) 1996. Tajuk ringkas.
2. Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 1 dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "Nama" dengan perkataan "Tajuk ringkas". Pindaan seksyen 1. Akta 242,
3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 2.
 - (a) dalam takrif "amalan perejeenan harta-tanah" dengan menggantikan perkataan "upah" dengan perkataan "komisen, fee, upah atau balasan lain";
 - (b) dengan menggantikan takrif "Daftar" dengan takrif yang berikut:

' "Daftar" ertinya Daftar Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah yang disimpan di bawah perenggan (a) subseksyen (1) seksyen 14;';

- (c) dengan memasukkan selepas takrif "Daftar" takrif yang berikut:

' "Daftar Firma" ertinya Daftar Firma yang disimpan di bawah perenggan (c) subseksyen (1) seksyen 14;

"Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta-Tanah Percubaan" ertinya Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta-Tanah Percubaan yang disimpan di bawah perenggan (b) subseksyen (1) seksyen 14.!

- (d) dalam takrif "ditetapkan" dengan memasukkan selepas perkataan "atau" perkataan "oleh garis panduan, pekeliling atau arahan yang dikeluarkan";

- (e) dengan menggantikan takrif "ejen harta-tanah berdaftar" dengan takrif yang berikut:

' "ejen harta-tanah berdaftar" ertinya seseorang yang namanya telah dimasukkan di bawah Bahagian III Daftar dan yang kepadanya suatu kuasa untuk menjalankan amalan telah dikeluarkan oleh Lembaga di bawah seksyen 16;';

- (f) dengan memasukkan selepas takrif "ejen harta-tanah berdaftar" takrif yang berikut:

' "ejen harta-tanah percubaan" ertinya seseorang yang berdaftar di bawah Akta ini sebagai ejen harta-tanah percubaan dan yang namanya telah dimasukkan dalam Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta-Tanah Percubaan;

"firma" ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan, sesuatu perkongsian atau sesuatu ketuanpunyaan tunggal;';

(g) dengan menggantikan takrif "kuasa untuk menjalankan amalan" dengan takrif yang berikut:

' "kuasa untuk menjalankan amalan" ertinya sesuatu kuasa untuk menjalankan amalan dalam borang yang ditetapkan yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 16;';

(h) dengan memasukkan selepas takrif "Pendaftar" takrif yang berikut:

' "pengurus harta" ertinya seseorang, sesuatu firma atau sesuatu syarikat yang, bagi pihak pemunya mana-mana tanah, bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya, menguruskan dan mengawal tanah, bangunan dan kepentingan itu untuk memelihara atau menambah pelaburan dalam, atau nilai fizikal, harta itu;

"pengurusan harta" ertinya pengurusan dan pengawalan apa-apa tanah, bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya, tidak termasuk pengurusan perniagaan berdasarkan harta, bagi pihak pemunya untuk suatu fee dan termasuklah tetapi tidak terhad kepada tanggungjawab yang berikut:

- (a) mengawasi perbelanjaan untuk harta itu dan membuat pembayaran daripada pendapatan daripada harta itu;
- (b) menyediakan belanjawan dan menyenggara rekod kewangan untuk harta itu;
- (c) menguatkuasakan terma pajakan dan perjanjian lain yang berhubungan dengan harta itu;
- (d) memberikan nasihat mengenai keputusan penjualan dan pembelian;
- (e) memberikan nasihat mengenai perkara-perkara insurans;

Rang Undang-Undang

- (f) memberikan nasihat mengenai peluang untuk menghasilkan potensi pembangunan atau pelaburan harta itu; dan
 - (g) memberikan nasihat mengenai keperluan meningkatkan harta itu atau mencantumkan kepentingan;';
- (i) dengan menggantikan takrif "penilai berdaftar" dengan takrif yang berikut:
- ' "penilai berdaftar" ertinya seseorang yang namanya telah dimasukkan di bawah Bahagian I Daftar dan yang kepadanya suatu kuasa untuk menjalankan amalan telah dikeluarkan oleh Lembaga di bawah seksyen 16;';
- (j) dengan memasukkan selepas takrif "penilai berdaftar" takrif yang berikut:
- ' "penilai percubaan" ertinya seseorang yang berdaftar di bawah Akta ini sebagai penilai percubaan dan yang namanya telah dimasukkan dalam Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta-Tanah Percubaan;';
- (k) dengan menggantikan takrif "pentaksir berdaftar" dengan takrif yang berikut:
- ' "pentaksir berdaftar" ertinya seseorang yang namanya telah dimasukkan di bawah Bahagian II Daftar dan yang kepadanya suatu kuasa untuk menjalankan amalan telah dikeluarkan oleh Lembaga di bawah seksyen 16;'; dan
- (l) dengan memasukkan selepas takrif "pentaksir berdaftar" takrif yang berikut:
- ' "perniagaan berdasarkan harta" termasuklah hotel, motel, asrama, ladang, kuari, marina, pelabuhan, padang golf, pawagam, stadium, kompleks sukan dan hospital.'

4. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 4.

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (b) dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan itu;

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

"(ba) menyiarkan maklumat yang dipungut dan disusun-kumpul di bawah perenggan (b), kecuali jika maklumat itu diklasifikasikan sebagai sulit oleh, atau bagi pihak, Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri; dan"; dan

(iii) dalam perenggan (c) dengan menggantikan perkataan "dan perejean harta-tanah" dengan perkataan ", perejean harta-tanah dan perkhidmatan harta lain";

(b) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "Atas permintaan Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri, suatu pihak berkuasa tempatan, suatu badan berkanun atau mana-mana orang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, Ketua Pengarah boleh —" dengan perkataan "Ketua Pengarah hendaklah menjalankan segala atau mana-mana fungsi yang berikut untuk Kerajaan atau untuk mana-mana Kerajaan Negeri dan boleh menjalankan fungsi sedemikian untuk mana-mana pihak berkuasa tempatan, badan berkanun atau pertubuhan perbadanan yang dalamnya Kerajaan atau Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan dan selanjutnya boleh menjalankan fungsi sedemikian untuk mana-mana orang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri;"; dan

(c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Berkenaan dengan perenggan (b) subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh menurut budi bicaranya memberikan mana-mana orang atau golongan orang apa-apa maklumat yang dipungut atau disusun-kumpul olehnya termasuk butir-butir mengenai mana-mana jualan atau pindahmilik tanah, bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya, apabila dibayar fee atau caj yang ditetapkan oleh Menteri.

(4) Berkenaan dengan perkhidmatan yang disebut dalam subseksyen (2), Ketua Pengarah boleh, kecuali jika perkhidmatan itu diberikan kepada Kerajaan, mengenakan apa-apa fee yang ditetapkan oleh Menteri.

(5) Fee dan caj yang ditetapkan di bawah seksyen ini boleh dikurangkan, diketepikan atau dibayar balik sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri."

Pindaan
seksyen 5.

5. Subseksyen 5(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "lima" dengan perkataan "sepuluh".

Pindaan
seksyen 6.

6. Subseksyen 6(3) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "lima" dengan perkataan "sepuluh".

Pindaan
seksyen 9.

7. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (2)—

(i) dalam perenggan (cc) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "tiga"; dan

- (ii) dengan menggantikan perenggan (*d*) dengan perenggan yang berikut:

"(*d*) tiga orang penilai berdaftar yang dinamakan oleh Yang Dipertua Lembaga."; dan

- (*b*) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "dan (*cc*)" dengan perkataan ", (*cc*) dan (*d*)".

8. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 10.

- (*a*) dengan menggantikan perenggan (*a*) dengan perenggan yang berikut:

"(*a*) menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah, suatu Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta-Tanah Percubaan dan suatu Daftar Firma;"

- (*b*) dalam perenggan (*b*) dengan memasukkan sebelum perkataan "sekatan" perkataan "syarat dan";

- (*c*) dalam perenggan (*d*) dengan menggantikan perkataan "sebagai penilai, pentaksir atau ejen harta-tanah" dengan perkataan "di bawah Akta ini";

- (*d*) dalam perenggan (*e*) dengan memasukkan selepas perkataan "Menteri" perkataan "fee yang kena dibayar di bawah Akta ini termasuk";

- (*e*) dalam perenggan (*g*) dengan memasukkan selepas perkataan "ejen harta-tanah" perkataan "dan menetapkan standard amalan profesional";

- (*f*) dalam perenggan (*h*)—

- (*i*) dengan memasukkan selepas perkataan "perejean harta-tanah" perkataan "atau mana-mana bidang yang berkaitan dan untuk mengawardkan bantuan atau derma untuk menggalakkan profesion itu"; dan

- (ii) dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan itu;
- (g) dengan memasukkan selepas perenggan (h) perenggan yang berikut:
 - "(ha) melantik ahli-ahli Lembaga untuk menganggotai mana-mana lembaga, jawatankuasa atau badan yang dibentuk bagi apa-apa maksud yang berhubungan dengan profesion itu atau mana-mana profesion yang berkaitan;
 - (hb) meminjam atau dengan apa-apa cara memperdapatkan wang untuk membeli atau memajak apa-apa harta tak alih yang dikehendaki oleh Lembaga dan melupuskan atau menguruskan harta itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga; dan"; dan
- (h) dalam perenggan (i) dengan menggantikan perkataan "Bahagian VII" dengan perkataan "Bahagian VIII".

Pindaan
seksyen 12.

9. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "yang kena dibayar dan semua wang" dengan perkataan ", denda dan kos yang kena dibayar di bawah Akta ini dan semua wang lain";
- (b) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dalam teks bahasa Inggeris dalam perenggan (d) dengan menggantikan perkataan "o" dengan perkataan "or";
 - (ii) dalam perenggan (e) dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan itu;
 - (iii) dalam perenggan (f) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan

- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:

"(g) membayar wang untuk award, bantuan dan derma yang dibuat oleh Lembaga;

(h) membeli atau memajak apa-apa harta tak alih yang dikehendaki oleh Lembaga; dan

(i) menjalankan segala fungsi lain Lembaga."; dan

- (c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Wang yang tidak dikehendaki dengan segera boleh dilaburkan dalam apa-apa harta tak alih atau dalam apa-apa pelaburan yang dinyatakan di bawah seksyen 4 Akta Pemegang Amanah 1949 sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga."

Akta 208

- 10.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan tajuk Bahagian IV dengan tajuk yang berikut:

Pindaan
tajuk
Bahagian IV.

"DAFTAR".

- 11.** Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 14

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggara—

(a) suatu Daftar Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah yang hendaklah dalam tiga Bahagian:

(i) Bahagian I yang hendaklah mengandungi nama, alamat perniagaan, kelayakan dan butir-butir lain mengenai penilai berdaftar;

- (ii) Bahagian II yang hendaklah mengandungi nama, alamat perniagaan, kelayakan dan butir-butir lain mengenai pentaksir berdaftar; dan
 - (iii) Bahagian III yang hendaklah mengandungi nama, alamat perniagaan, kelayakan dan butir-butir lain mengenai ejen harta-tanah berdaftar;
- (b) suatu Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta-Tanah Percubaan yang hendaklah mengandungi nama, alamat perniagaan, kelayakan dan butir-butir lain mengenai penilai percubaan dan ejen harta-tanah percubaan; dan
- (c) suatu Daftar Firma yang hendaklah dalam tiga Bahagian:
- (i) Bahagian I yang hendaklah mengandungi nama, alamat dan butir-butir lain mengenai firma yang menjalankan amalan sebagai penilai;
 - (ii) Bahagian II yang hendaklah mengandungi nama, alamat dan butir-butir lain mengenai firma yang menjalankan amalan sebagai pentaksir; dan
 - (iii) Bahagian III yang hendaklah mengandungi nama, alamat dan butir-butir lain mengenai firma yang menjalankan amalan sebagai ejen harta-tanah.";

(b) dengan memotong subseksyen (1A);

- (c) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "Yang Dipertua" dengan perkataan "Pendaftar";
- (d) dalam subseksyen (4)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "ejen harta-tanah" perkataan "atau mana-mana penilai percubaan atau ejen harta-tanah percubaan atau mana-mana firma"; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "Daftar" perkataan "yang sesuai"; dan
- (e) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

" (5) Tiap-tiap orang yang namanya terdapat dalam Daftar Ejen Harta-Tanah di bawah subseksyen (1A) yang dipotong sebelum pemotongan itu mula berkuatkuasa hendaklah disifatkan telah dipindahkan ke Bahagian III Daftar."

12. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 15 seksyen yang berikut:

Seksyen baru
15A.

" Permohonan bagi mendapatkan kuasa untuk menjalankan amalan

15A. Penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta-tanah berdaftar hendaklah memohon kepada Lembaga bagi mendapatkan kuasa untuk menjalankan amalan jika dia bercadang untuk menjalankan amalan sebagai penilai berdaftar atau pentaksir berdaftar di bawah seksyen 19 atau sebagai ejen harta-tanah berdaftar di bawah seksyen 22B."

13. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 16.

- (a) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan "fee yang ditetapkan itu" perkataan "dan apabila pemohon memenuhi dan mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Menteri";

- (b) dalam teks bahasa Inggeris dalam subseksyen (4) dengan menggantikan perkataan "ommissions" dengan perkataan "omissions";
- (c) dengan menggantikan subseksyen (7) dengan subseksyen yang berikut:

"(7) Penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta-tanah berdaftar—

- (a) yang merupakan seorang pekerja, hendaklah, dalam masa satu bulan dari apa-apa perubahan pekerjaan, memberitahu Lembaga secara bertulis mengenai nama, alamat perniagaan dan butir-butir lain majikannya yang dahulu serta majikannya yang baru;

- (b) yang bukan seorang pekerja, hendaklah, dalam masa satu bulan dari apa-apa perubahan dalam nama, alamat perniagaan, perkongsian, pemegangan syer atau pengarahannya atau apa-apa perubahan dalam penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta-tanah berdaftar yang menjalankan amalan di bawah penggajiannya atau di bawah penggajian firmannya, memberitahu Lembaga secara bertulis mengenai perubahan itu,

dan perubahan itu hendaklah dimasukkan dalam Daftar yang sesuai."; dan

- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (7) subseksyen yang berikut:

"(7A) Bagi maksud perenggan (b) subseksyen (7), suatu notis yang diberikan oleh pekongsi, pemegang syer atau pengarah orang yang berkenaan hendaklah disifatkan sebagai mematuhi dengan secukupnya perenggan itu.

(7B) Perenggan (a) subseksyen (7) hendaklah juga terpakai bagi semua penilai percubaan dan ejen harta-tanah percubaan dan apa-apa perubahan hendaklah dimasukkan dalam Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta-Tanah Percubaan dengan sewajarnya."

14. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 17.

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "dalam Daftar Penilai dan Pentaksir" dengan perkataan "di bawah Bahagian I atau II, mengikut mana-mana yang berkenaan, Daftar";

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

"(aa) dia bukan bankrap yang belum dilepaskan;" dan

(iii) dalam teks bahasa kebangsaan dalam perenggan (b) dengan memasukkan sebelum perkataan "memenuhi" perkataan "telah";

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Walau apa pun perenggan (e) subseksyen (1), seseorang yang hilang kelayakan untuk menjalankan amalan perejean harta-tanah boleh, jika Lembaga berpendapat dia sesuai menjalankan amalan penilaian, mendapat namanya dimasukkan di bawah Bahagian I Daftar sebagai penilai." dan

(c) dalam subseksyen (2) dan (3) dengan memotong perkataan "Penilai dan Pentaksir".

Penggantian
seksyen 18.

15. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 18 dengan seksyen yang berikut:

"Kelayakan
untuk
pendaftaran
penilai dan
penilai
percubaan.

18. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiada seorang pun berhak mendapat namanya dimasukkan di bawah Bahagian I Daftar melainkan jika dia telah didaftarkan sebagai penilai percubaan di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang telah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Lembaga atau yang telah memperoleh kelayakan yang diiktiraf oleh Lembaga sebagai setara dengan peperiksaan itu boleh memohon kepada Lembaga untuk didaftarkan sebagai penilai percubaan.

(3) Penilai percubaan adalah dikehendaki memperoleh pengalaman praktik dan lulus Ujian Kecekapan Profesional yang ditetapkan oleh Lembaga atau apa-apa ujian atau peperiksaan yang setara yang diiktiraf oleh Lembaga.

(4) Jika penilai percubaan telah mematuhi kehendak subseksyen (3), dia boleh memohon kepada Lembaga untuk mendapat namanya dimasukkan dalam Daftar.

(5) Walau apa pun subseksyen (1), (2) dan (3), seseorang anggota siswazah daripada Bahagian Perundingan Hartanah dan Ukuran Penilaian, Institusi Jurukur (Malaysia) yang telah mematuhi kehendak subseksyen (3) boleh memohon kepada Lembaga untuk mendapat namanya dimasukkan dalam Daftar.

(6) Seseorang yang bukan warganegara atau pemastautin tetap Malaysia tidak layak untuk didaftarkan sebagai penilai atau sebagai penilai percubaan melainkan jika dia adalah atau pernah menjadi penilai berdaftar atau pentaksir berdaftar sebelum seksyen ini mula berkuatkuasa."

16. Perenggan 19(b) Akta ibu adalah dipinda dengan Pindaan memasukkan selepas perkataan "kajian kemungkinan," seksyen 19. perkataan "pengurusan projek,".

17. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 21.

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "pentaksir berdaftar" perkataan "dan yang kepadanya suatu kuasa untuk menjalankan amalan telah dikeluarkan di bawah seksyen 16";
- (ii) dalam perenggan (a) dengan memotong perkataan "sebagai seorang penilai atau pentaksir";
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut;
 - "(aa) bertindak sebagai pengurus harta;
 - (ab) menjalankan perniagaan atau memegang kerja sebagai seorang penilai atau pentaksir;"
- (iv) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:
 - "(b) mempamerkan apa-apa papan tanda, atau menggunakan, mengedarkan atau menyebarkan apa-apa kad, surat, risalah, lembaran, notis atau apa-apa bentuk iklan, yang membayangkan sama ada secara langsung atau tak langsung bahawa dia ialah seorang penilai berdaftar atau pentaksir berdaftar;" dan
- (v) dalam perenggan (c) dengan memasukkan selepas perkataan "fee" perkataan "atau balasan lain";

- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Perenggan (aa) subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi—

- (a) pemunya mana-mana tanah, bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya yang menguruskan tanah, bangunan dan kepentingan itu; atau
- (b) mana-mana ejen harta-tanah berdaftar yang diberikuasa dengan sewajarnya oleh Lembaga untuk menjalankan pengurusan harta."; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Bagi maksud perenggan (a) subseksyen (2), "pemunya mana-mana tanah, bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya" ertinya—

- (a) pemunya berdaftar;
- (b) benefisiari apa-apa harta pusaka atau amanah si mati; dan

- Akta 56/1965.* (c) pemajak yang kepentingannya didaftarkan di bawah Kanun Tanah Negara,

tetapi tidak termasuk pemegang syer dalam syarikat yang memiliki tanah, bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya itu melainkan jika tanah, bangunan dan kepentingan itu dimiliki sepenuhnya oleh syarikat itu dan orang itu ialah pemegang syer tunggal syarikat itu."

18. Seksyen 22A Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 22A.

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan "ke dalam Daftar Ejen Harta-Tanah" dengan perkataan "di bawah Bahagian III Daftar"; dan
- (ii) dengan menggantikan perenggan (b) dan (c) masing-masingnya dengan perenggan yang berikut:

"(b) dia bukan bankrap yang belum dilepaskan;

(c) dia telah memenuhi kehendak-kehendak seksyen 22D;" dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Walau apa pun perenggan (f) subseksyen (1), seseorang yang hilang kelayakan untuk menjalankan amalan penilaian boleh, jika Lembaga berpendapat dia sesuai menjalankan amalan perejean harta-tanah, mendapat namanya dimasukkan di bawah Bahagian III Daftar sebagai ejen harta-tanah."

19. Seksyen 22B Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 22B.

- (a) dalam subseksyen (1) dengan memotong perkataan "termasuk rundingan berkenaan dengan penjualan, pembelian, penyewaan atau pemajakan melalui perjanjian atau tender";
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada ejen harta-tanah berdaftar boleh menjalankan pengurusan harta."; dan

(c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Walau apa pun subseksyen (1A), Lembaga boleh membenarkan ejen harta-tanah berdaftar menjalankan pengurusan harta—

- (a) jika dia dibenarkan berbuat demikian sebelum subseksyen (1A) mula berkuatkuasa; dan
- (b) tertakluk kepada syarat dan sekatan yang sama yang dikenakan oleh Lembaga ke atasnya sebelum subseksyen (1A) mula berkuatkuasa."

Pindaan
seksyen 22c.

20. Seksyen 22c Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "ejen harta-tanah berdaftar" perkataan "dan yang kepadanya suatu kuasa untuk menjalankan amalan telah dikeluarkan di bawah seksyen 16";

(ii) dalam perenggan (a)—

(A) dengan memotong perkataan "sebagai seorang ejen harta-tanah"; dan

(B) dengan memasukkan selepas perkataan "Ejen Tanah" perkataan ', "Broker Rumah" ';

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

"(aa) menjalankan perniagaan atau memegang kerja sebagai seorang ejen harta-tanah";

(iv) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

"(b) mempamerkan apa-apa papan tanda, atau menggunakan, mengedarkan atau menyebarkan apa-apa kad, surat, risalah, lembaran, notis atau apa-apa bentuk iklan, yang membayangkan sama ada secara langsung atau tak langsung bahawa dia ialah seorang ejen harta-tanah berdaftar;" dan

(v) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

"(ba) menawarkan untuk jualan atau mempelawa tawaran untuk membeli apa-apa tanah, bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya tidak kira sama ada tanah, bangunan dan kepentingan itu terletak di dalam Malaysia atau di luar Malaysia:

Dengan syarat bahawa jika harta asing hendak dipasarkan di Malaysia, tawaran atau pelawaan itu hendaklah dibuat oleh atau melalui seorang ejen harta-tanah yang menjalankan amalan dan bermastautin di Malaysia bagi pihak seseorang prinsipal yang menjalankan amalan atau bermastautin di luar Malaysia;" dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Walau apa pun subseksyen (1)—

(a) seseorang pemunya mana-mana tanah, bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya boleh menjual atau menyewa, atau

menawarkan untuk menjual atau menyewa, tanah, bangunan dan kepentingan itu;

(b) seseorang pelelong berlesen boleh menjual atau menawarkan untuk menjual mana-mana tanah, bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya melalui lelongan awam; dan

(c) seseorang pemegang surat kuasa wakil berkenaan dengan mana-mana tanah, bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya, yang bertindak dengan percuma dan tanpa komisen, fee, upah atau balasan lain, boleh menjual, membeli atau menyewa, atau menawarkan untuk menjual, membeli atau menyewa, tanah, bangunan dan kepentingan itu."

Seksyen
bam 22D.

21. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 22c seksyen yang berikut:

" Kelayakan
untuk
pendaftaran
ejen harta-
tanah dan
ejen harta-
tanah
percubaan

22D. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiada seorang pun berhak mendapat namanya dimasukkan di bawah Bahagian III Daftar melainkan jika dia telah didaftarkan sebagai ejen harta-tanah percubaan di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang telah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Lembaga atau yang telah memperoleh kelayakan yang diiktiraf oleh Lembaga sebagai setara dengan peperiksaan itu boleh memohon kepada Lembaga untuk didaftarkan sebagai ejen harta-tanah percubaan.

(3) Ejen harta-tanah percubaan adalah dikehendaki memperoleh pengalaman praktik dan lulus Ujian Kecekapan Profesional yang

ditetapkan oleh Lembaga atau apa-apa ujian atau peperiksaan yang setara yang diiktiraf oleh Lembaga.

(4) Jika ejen harta-tanah percubaan telah mematuhi kehendak subseksyen (3), dia boleh memohon kepada Lembaga untuk mendapat namanya dimasukkan dalam Daftar.

(5) Seseorang yang bukan warganegara atau pemastautin tetap Malaysia tidak layak untuk didaftarkan sebagai ejen harta-tanah atau sebagai ejen harta-tanah percubaan melainkan jika dia adalah atau pernah menjadi ejen harta-tanah berdaftar sebelum seksyen ini mula berkuatkuasa."

22. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan tajuk Bahagian VI dengan tajuk yang berikut:

Pindaan
tajuk
Bahagian VI.

"FIRMA".

23. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 23 dengan seksyen yang berikut:

Penggantian
seksyen 23.

" Amalan oleh firma. 23. (1) Tiada penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta-tanah berdaftar boleh menjalankan amalan penilaian, pentaksiran atau perejean harta-tanah atau mempunyai hak untuk mendapatkan kembali dalam mana-mana mahkamah apa-apa fee, caj atau saraan bagi apa-apa nasihat atau perkhidmatan profesional yang diberikan olehnya menurut amalannya melainkan jika dia menjalankan amalan sebagai tuan punya tunggal suatu ketuanpunyaan tunggal, pekongsi suatu perkongsian, pemegang syer atau pengarah suatu pertubuhan perbadanan yang didaftarkan dengan Lembaga, atau sebagai pekerja ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan itu.

(2) Sesuatu perkongsian atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan penilaian, pentaksiran atau perejenan harta-tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh didaftarkan oleh Lembaga melainkan jika—

(a) semua pekongsi perkongsian itu atau semua pengarah dan pemegang syer pertubuhan perbadanan itu adalah—

(i) dalam hal suatu amalan penilaian, semata-mata penilai berdaftar;

(ii) dalam hal suatu amalan pentaksiran, semata-mata pentaksir berdaftar; dan

(iii) dalam hal suatu amalan perejenan harta-tanah, semata-mata ejen harta-tanah berdaftar;

(b) syer dalam perkongsian atau pertubuhan perbadanan itu dipegang—

(i) dalam hal suatu amalan penilaian, semata-mata oleh penilai berdaftar;

(ii) dalam hal suatu amalan pentaksiran, semata-mata oleh pentaksir berdaftar; dan

(iii) dalam hal suatu amalan perejenan harta-tanah, semata-mata oleh ejen harta-tanah berdaftar; dan

(c) ia memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh Lembaga.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), tiada ejen harta-tanah yang merupakan suatu firma boleh menjalankan pengurusan harta melainkan jika semua pekongsinya, dalam hal suatu perkongsian, atau semua pemegang syer dan pengarahnya, dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dibenarkan oleh Lembaga untuk menjalankan pengurusan harta dan ia hanya boleh menjalankan

pengurusan harta bagi kategori harta yang diluluskan oleh Lembaga.

(4) Tiada penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta-tanah berdaftar boleh, melainkan jika Lembaga meluluskan sedemikian secara bertulis, menjadi atau terus menjadi tuan punya tunggal, pekongsi, pemegang syer atau pengarah lebih daripada satu ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menjalankan amalan penilaian, pentaksiran atau perejeenan harta-tanah selepas seksyen ini mula berkuatkuasa.

(5) Jika seseorang penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta-tanah berdaftar telah, sebelum seksyen ini sebagaimana yang dipinda mula berkuatkuasa, menjadi tuan punya tunggal, pekongsi, pemegang syer atau pengarah lebih daripada satu firma, maka, dalam masa dua tahun dari tarikh seksyen ini sebagaimana yang dipinda mula berkuatkuasa, dia hendaklah melepaskan ekuitinya dalam semua kecuali satu firma itu melainkan jika Lembaga meluluskan yang sebaliknya secara bertulis.

(6) Seseorang penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta-tanah berdaftar hendaklah—

- (a) dalam masa satu bulan dari dia menjadi seorang tuan punya tunggal, pekongsi, pemegang syer atau pengarah sesuatu firma; atau
- (b) dalam masa satu bulan dari apa-apa perubahan dalam perkongsian, pemegangan syer atau pengarah sesuatu firma,

mengikut mana-mana yang berkenaan, memberitahu Lembaga secara bertulis mengenai kejadian atau perubahan itu."

Pindaan
seksyen 24.

24. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "ejen harta-tanah" perkataan "atau penilai percubaan atau ejen harta-tanah percubaan";
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "Daftar" perkataan "atau Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta-Tanah Percubaan, mengikut mana-mana yang berkenaan/";
- (iii) dalam perenggan (f) dengan memotong perkataan "kerapkali";
- (iv) dalam perenggan (i) dengan memasukkan selepas perkataan "pendaftarannya" perkataan "di bawah Bahagian yang berkenaan Daftar yang berkenaan";
- (v) dalam perenggan (ii) dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan itu;
- (vi) dengan menggantikan perenggan (iii) dengan perenggan yang berikut:

"(iii) menegurnya dan merekodkan teguran itu dalam Daftar yang berkenaan;"; dan

- (vii) dengan memasukkan selepas perenggan (iii) perenggan yang berikut:

"(iv) menegurnya atau mengenakan denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya tetapi tanpa merekodkan teguran atau denda itu dalam Daftar yang berkenaan; atau

- (v) mengenakan denda yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan merekodkan denda itu dalam Daftar yang berkenaan dan supaya dia digantung daripada menjalankan amalan sehingga denda itu dibayar.";
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Jika Lembaga membuat suatu perintah di bawah perenggan (ii) hingga (v) subseksyen (1), Lembaga boleh, sebagai tambahan, memerintahkan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat membayar kepada Lembaga kos presiding tidak melebihi lima ribu ringgit, dan denda serta kos itu hendaklah boleh didapatkan kembali sebagai hutang yang kena dibayar kepada Lembaga.";
- (c) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "seksyen-kecil (1)" perkataan "atau (1A)";
 - (ii) dalam perenggan (a) dengan menggantikan perkataan "dua pertiga daripada jumlah bilangan" dengan perkataan "sepuluh"; dan
 - (iii) dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan "penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta-tanah berdaftar" dengan perkataan "orang";
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Tiada perintah penggantungan amalan atau pembatalan pendaftaran boleh berkuatkuasa—

 - (a) jika tiada rayuan difailkan, sehingga rayuan itu habis tempoh; atau

(b) jika suatu rayuan difailkan, sehingga Lembaga Rayuan mengesahkan keputusan itu."; dan

(e) dalam subseksyen (4) dan (5) dengan menggantikan perkataan "sepuluh" dengan perkataan "dua puluh satu".

Pindaan
seksyen 25.

25. Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "Daftar" perkataan "atau Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta-Tanah Percubaan, mengikut mana-mana yang berkenaan,"; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan "ejen harta-tanah" perkataan "atau penilai percubaan atau ejen harta-tanah percubaan";

(b) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "Daftar" perkataan "atau Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta-Tanah Percubaan"; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan "amalan" perkataan "dan mana-mana orang yang tidak berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan"; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Maka hendaklah dipotong dari Daftar Firma nama dan butir-butir mana-mana firma—

(a) yang telah memohon secara bertulis supaya nama dan butir-butirnya itu dipotong; atau

(b) yang telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana terma atau syarat pendaftarannya."

26. Seksyen 26 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 26.

(a) dengan memasukkan selepas perkataan "Daftar" di mana-mana jua terdapat perkataan "atau Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta-Tanah Percubaan, mengikut mana-mana yang berkenaan,"; dan

(b) dalam subseksyen (4)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "perenggan (a)" perkataan ", (c)";

(ii) dengan menggantikan perkataan "hendaklah" dengan perkataan "boleh"; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perkataan "caj" perkataan ", dan apabila memuaskan apa-apa syarat lain,".

27. Subseksyen 27(1) Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 27.

(a) dalam perenggan (b)—

(i) dengan menggantikan perkataan "sekatan" dengan perkataan "terma, syarat atau sekatan"; dan

(ii) dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan itu;

(b) dalam perenggan (c) dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan perkataan "; atau"; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

"(d) kemasukan semulanya di bawah seksyen 26 telah ditolak oleh Lembaga,".

Pmdaan
seksyen 28

28. Subseksyen 28(1) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara" dengan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "orang lain yang" perkataan "dinamakan oleh Pengerusi daripada panel ahli-ahli yang hendaklah".

Pmdaan
seksyen 29.

29. Subseksyen 29(2) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "disediakan" perkataan "dalam masa tiga bulan dari penerimaan notis itu".

Pmdaan
seksyen 30.

30. Seksyen 30 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perenggan (g) dengan perenggan yang berikut:

"(g) menjual, memindahkan, menyewakan atau selainnya membenarkan mana-mana orang lain menggunakan apa-apa kuasa untuk menjalankan amalan yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta ini;"

- (b) dalam perenggan (h) dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan perkataan "; atau";

- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (h) perenggan yang berikut:

"(i) bertindak dengan melanggar seksyen 22c,"; dan

- (d) dengan menggantikan perkataan "dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit dan denda" dengan perkataan "boleh didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan dia boleh didenda".

31. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 30 seksyen yang berikut:

Seksyen baru
30A, 30B dan
30c.

"Penge-
ledahan
dengan
waran.

30A. (1) Jika seseorang Majistret mendapati, atas maklumat bertulis bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Akta ini sedang atau telah dilakukan di mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberikuasa mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana orang yang dinamakan dalamnya, masuk ke dalam premis itu pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan dan jika perlu dengan kekerasan, dan di sana menggeledah dan menyita apa-apa papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis atau alat lain yang menggambarkan atau membayangkan bahawa orang itu ialah penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta-tanah berdaftar, dan apa-apa dokumen, artikel atau benda lain yang semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak praktik untuk memindahkan apa-apa papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, alat, dokumen, artikel atau benda yang disita di bawah seksyen ini, pegawai atau orang yang menyita itu hendaklah, dengan apa-apa cara, menglak papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, alat, dokumen, artikel atau benda itu dalam premis atau dalam bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(3) Seseorang yang, tanpa kuasa sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (2) atau memindahkan apa-apa papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, alat, dokumen, artikel atau benda yang dilak atau mencuba untuk berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan.

Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran.

30B. Jika seorang pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam seksyen 30A mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelewatan dalam mendapatkan suatu waran geledah di bawah seksyen itu penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan berkemungkinan diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai itu boleh masuk ke dalam premis itu dan menjalankan di dalam, ke atas dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 30A dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberikuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Senarai benda disita.

30c. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, alat, dokumen, artikel atau benda disita di bawah seksyen 30A atau 30B, pegawai atau orang yang menyita itu hendaklah menyediakan senarai benda yang disita dan dengan serta-merta menghantARSERAHKAN sesalinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis yang digeledah, atau kepada ejen atau pengkhidmatnya, di premis itu.

(2) Jika premis itu tidak didiami, pegawai atau orang yang menyita itu hendaklah bilamasa boleh melekatkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu."

32. Seksyen 31 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 31

- (a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "sepuluh"; dan
- (b) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan "perkongasian atau pertubuhan perbadanan" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "firma";
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "prinsipal" dengan perkataan "tuan punya tunggal"; dan
 - (iii) dengan memotong perkataan ", pengurus, setiausaha".

33. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 31 seksyen yang berikut:

Seksyen baru
31A.

"Kekebalan Lembaga. 31 A. Tiada tindakan atau presiding boleh diambil terhadap Lembaga atau mana-mana ahli Lembaga mengenai apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini melainkan jika dibuktikan kepada mahkamah bahawa tindakan atau perkara itu dilakukan dengan niat jahat."

34. Seksyen 32 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Bahagian VII" dengan perkataan "Bahagian VIII".

Pindaan
seksyen 32.

35. Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda dalam teks bahasa Inggeris dalam subperenggan 2(6) dengan menggantikan perkataan "paragraph" dengan perkataan "paragraphs".

Pindaan
Jadual
Pertama.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981 ("Akta").

2. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk menggantikan takrif tertentu dan untuk memasukkan takrif baru yang tertentu bagi ungkapan yang digunakan dalam Akta.

3. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 4 Akta untuk menjelaskan tugas dan fungsi Ketua Pengarah.

4. *Fasal 5* dan *6* masing-masingnya bertujuan meminda subseksyen 5(2) dan 6(3) Akta untuk menambah penalti dalam peruntukan itu daripada denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit kepada denda yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

5. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 9 Akta untuk membentuk semula Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah dengan menggantikan ahli yang dinamakan oleh Lembaga Jurukur dengan tiga orang penilai berdaftar yang dinamakan oleh Yang Dipertua Lembaga.

6. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 10 Akta untuk menjelaskan fungsi Lembaga. Ia juga bertujuan memasukkan dua fungsi baru, iaitu, pelantikan ahli Lembaga untuk menganggotai mana-mana lembaga, jawatankuasa atau badan yang dibenruk bagi apa-apa maksud berhubungan dengan profesion itu atau dengan mana-mana profesion yang berkaitan dan peminjaman atau pemerdapatan wang untuk membeli atau memajak harta tak alih yang dikehendaki oleh Lembaga serta untuk melupuskan harta itu.

7. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 12 Akta untuk memperuntukkan bahawa denda dan kos yang kena dibayar di bawah Akta hendaklah dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang dan untuk memasukkan dua maksud baru yang baginya Kumpulan Wang itu boleh digunakan.

8. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 14 Akta untuk menghendaki Lembaga menyimpan dan menyenggarakan tiga Daftar, iaitu, suatu Daftar Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah, suatu Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta-Tanah Percubaan dan suatu Daftar Firma.

9. *Fasal 12* bertujuan memasukkan seksyen baru 15A untuk memperuntukkan bahawa mana-mana penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta-tanah berdaftar yang bercadang menjalankan amalan sebagai penilai berdaftar atau pentaksir berdaftar di bawah seksyen 19 Akta atau sebagai ejen harta-tanah berdaftar di bawah seksyen 22B Akta adalah dikehendaki memohon kepada Lembaga untuk mendapatkan kuasa untuk menjalankan amalan.

10. *Fasal 13* bertujuan meminda seksyen 16 Akta untuk menjelaskan kehendak-kehendak yang berdasarkannya kuasa untuk menjalankan amalan boleh diperbaharui dan untuk menghendaki penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta-tanah berdaftar memberitahu Lembaga mengenai apa-apa perubahan dalam pekerjaannya, jika dia seorang pekerja, dan mengenai apa-apa perubahan nama, alamat perniagaan, perkongsian, pemegangan syer atau pengarah amalnya dan apa-apa perubahan penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta-tanah berdaftar yang menjalankan amalan di bawah penggajiannya atau di bawah penggajian firmannya, jika dia bukan seorang pekerja.

11. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 17 Akta untuk memasukkan suatu pembatasan bahawa seseorang yang merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan tidak berhak didaftarkan sebagai seorang penilai atau pentaksir. Subseksyen (1A) yang dicadangkan bertujuan mengadakan peruntukan bahawa seseorang yang hilang kelayakan untuk menjalankan amalan perejean harta-tanah boleh, walau bagaimanapun, mendapat namanya dimasukkan di bawah Bahagian I Daftar Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah jika Lembaga berpendapat dia sesuai menjalankan amalan penilaian.

12. *Fasal 15* bertujuan meminda seksyen 18 Akta untuk menjelaskan kehendak-kehendak bagi pendaftaran sebagai penilai dan penilai percubaan.

13. *Fasal 16* bertujuan meminda perenggan 19(b) Akta untuk memasukkan pengurusan projek sebagai amalan penilaian.

14. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 21 Akta untuk memperuntukkan bahawa seseorang penilai berdaftar atau pentaksir berdaftar adalah dikehendaki mempunyai kuasa untuk menjalankan amalan yang dikeluarkan di bawah seksyen 16 Akta sebelum dia boleh menjalankan amalan penilaian. Ia juga bertujuan mengenakan sekatan tambahan atas amalan penilaian.

15. *Fasal 18* bertujuan meminda seksyen 22A Akta untuk memasukkan suatu pembatasan bahawa seseorang yang merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan tidak berhak didaftarkan sebagai seorang ejen harta-tanah. Subseksyen (1A) yang dicadangkan bertujuan mengadakan peruntukan bahawa seseorang yang hilang kelayakan untuk menjalankan amalan penilaian boleh, walau bagaimanapun, mendapat namanya dimasukkan di bawah Bahagian III Daftar Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah jika Lembaga berpendapat dia sesuai menjalankan amalan perejean harta-tanah.

16. *Fasal 19* bertujuan meminda seksyen 22B Akta untuk melarang ejen harta-tanah berdaftar menjalankan pengurusan harta melainkan jika dibenarkan berbuat demikian oleh Lembaga.

17. *Fasal 20* bertujuan meminda seksyen 22c Akta untuk memperuntukkan bahawa seseorang ejen harta-tanah berdaftar adalah dikehendaki mempunyai kuasa untuk menjalankan amalan yang dikeluarkan di bawah seksyen 16 Akta sebelum dia boleh menjalankan amalan perejean harta-tanah. Ia juga bertujuan mengenakan sekatan tambahan atas amalan perejean harta-tanah.

18. *Fasal 21* bertujuan memasukkan seksyen baru 22D untuk mengadakan peruntukan mengenai kelayakan untuk pendaftaran sebagai ejen harta-tanah dan ejen harta-tanah percubaan.

19. *Fasal 23* bertujuan meminda seksyen 23 Akta untuk melarang penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen harta-tanah berdaftar menjalankan amalan penilaian, pentaksiran atau perejean harta-tanah melainkan jika dia menjalankan amalan sebagai ketuanpunyaan tunggal, pekongsi suatu perkongsian, pemegang syer atau pengarah suatu pertubuhan perbadanan yang didaftarkan dengan Lembaga, atau sebagai pekerja ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan itu.

20. *Fasal 24* bertujuan meminda seksyen 24 Akta untuk menjelaskan penalti yang terpakai. Subseksyen (1A) yang dicadangkan memberi Lembaga kuasa untuk mendapatkan kembali kos prosiding disiplin tidak melebihi lima ribu ringgit sementara subseksyen (2A) yang dicadangkan menjelaskan tarikh mula berkuatkuasa sesuatu perintah penggantungan amalan atau pembatalan pendaftaran.

21. *Fasal 25* bertujuan meminda seksyen 25 Akta untuk mengadakan alasan bagi pemotongan mana-mana firma dari Daftar Firma.

22. *Fasal 26* bertujuan meminda seksyen 26 Akta untuk memastikan bahawa semua fee, denda dan caj yang belum dijelaskan dibayar dan semua terma dan syarat yang dikenakan dipatuhi sebelum kemasukan semula mana-mana orang dalam mana-mana Daftar.

23. *Fasal 27* bertujuan meminda subseksyen 27(1) Akta untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang kemasukan semulanya di bawah seksyen 26 Akta telah ditolak oleh Lembaga boleh merayu kepada Lembaga Rayuan.

24. *Fasal 28* bertujuan meminda subseksyen 28(1) Akta untuk memperuntukkan bahawa dua orang ahli Lembaga Rayuan selain Pengerusi hendaklah dinamakan oleh Pengerusi daripada panel ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

25. *Fasal 29* bertujuan meminda subseksyen 29(2) Akta untuk menghendaki Yang Dipertua Lembaga menyediakan, dalam masa tiga bulan dari penerimaan notis rayuan, rekod prosiding Lembaga dan kenyataan yang menyatakan alasan yang berdasarkannya Lembaga mencapai keputusannya.

26. *Fasal 30* bertujuan meminda seksyen 30 Akta untuk menjelaskan kesalahan di bawah Akta. Ia juga bertujuan menambah penalti daripada denda tidak melebihi lima ribu ringgit kepada denda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit dan memasukkan penalti pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

27. *Fasal 31* bertujuan memasukkan seksyen baru 30A, 30B dan 30c. Seksyen 30A memperkatakan penggefedahan dengan waran sementara seksyen 30B memperkatakan penggeledahan tanpa waran. Seksyen 30c mengadakan peruntukan bagi penyediaan senarai benda yang disita.

28. *Fasal 32* bertujuan meminda seksyen 31 Akta untuk menambah penalti am daripada denda tidak melebihi dua ribu ringgit kepada denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

29. *Fasal 33* bertujuan memasukkan seksyen baru 31A untuk memberikan kekebalan kepada Lembaga atau mana-mana ahli Lembaga mengenai apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan di bawah Akta atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta melainkan jika ia dilakukan dengan niat jahat.

30. Pindaan lain yang dicadangkan kepada Akta yang tidak disebut secara nyata ialah pindaan yang berbangkit atau kecil sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN.(U)1840.]